

10 OCT 1996

Mahathir-tetamu

RANARIDDH ANGGAP UCAPAN DR MAHATHIR SATU TELADAN MENGENAI AKHLAK

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh berkata beliau mendapat satu contoh terbaik mengenai akhlak setelah mendengar ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno semasa merasmikan Perhimpunan Agung parti itu hari ini.

"Secara peribadi saya berpendapat ucapan Perdana Menteri Malaysia satu teladan baik mengenai moral bukan untuk Malaysia saja tetapi juga kepada Kemboja dan negara-negara membangun," kata beliau kepada pemberita.

Beliau dan Perdana Menteri kedua Kemboja Hun Sen adalah tetamu khas Umno ke perhimpunan agung hari ini.

Putera Ranariddh berkata perkara-perkara yang Dr Mahathir bangkitkan perlu diberi perhatian jika sesebuah negara ingin menjadi teguh.

Dalam ucapannya Dr Mahathir mengingatkan anggota Umno mengenai bahaya politik wang dan rasuah dalam parti serta mahu gejala ini dihapus.

Presiden Kelab Umno Pakistan Badrulhisham Mohd Rosli berkata setiap pemimpin mestilah mempunyai kualiti kepimpinan positif dan tidak menggunakan kedudukan, wang dan kuasa untuk mendapatkan tempat sebagai pemimpin.

Katanya saranan Dr Mahathir supaya anggota parti menolak pemimpin yang tidak ikhlas, yang memberi sogokan wang dan yang menyalahgunakan kuasa tepat pada masanya.

"Ini kerana ada pemimpin yang mahu terus mendapat tempat sebagai pemimpin," katanya.

Badrulhisham berkata orang Melayu mestilah bersedia membuat perubahan yang positif seiring dengan kemajuan yang dicapai. -- BERNAMA

MAM HS MAI